

11 JUN 1998

Samy - Air

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Majlis Air Negara

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Mesyuarat pertama Majlis Air Negara (MAN) pada 29 Jun ini, antara lain, akan membincangkan strategi jangka panjang bagi memastikan bekalan air mencukupi bagi keperluan negara untuk tempoh 25 tahun akan datang, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Mesyuarat itu, yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri, akan dihadiri oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Samy Vellu memberitahu Bernama majlis itu dijangka akan menyediakan satu kertas kerja mengenai keperluan bekalan air negara pada masa depan dan juga masalah-masalah yang mungkin dihadapi.

"Kami akan bincangkan masalah-masalah itu dan menetapkan matlamat kita supaya negara tidak akan menghadapi masalah kekurangan air dalam jangka panjang," kata Samy Vellu.

MAN juga dijangka akan membincangkan mengenai penjualan air antara negeri-negeri dan kadar yang akan dikenakan, katanya.

Samy Vellu berkata Menteri Besar dan Ketua Menteri akan diberi taklimat mengenai matlamat majlis, peranannya dalam mengatasi krisis air pada masa akan datang dan juga mengenai sumber-sumber bekalan air.

Katanya, majlis itu tidak akan mengambil alih hak pengurusan air daripada negeri-negeri tetapi akan membantu negeri-negeri yang mengalami masalah kekurangan air mendapatkan bekalan daripada negeri yang mempunyai bekalan berlebihan.

"Kami akan terangkan kepada mereka bahawa majlis ini hanya bertindak sebagai badan penyelaras pemindahan bekalan air dari negeri-negeri," katanya.

-- BERNAMA

ES oba